## SOALAN LAZIM (FAQ) UNTUK PELAN eBiz

| No | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| **Pelan eBiz** | | |
| **Langganan pelan eBiz** | | |
| 1 | **Apakah itu Pelan eBiz?** | ▪ eBiz adalah pelan daripada unifi Mobile untuk pelanggan perniagaan, terutamanya perniagaan kecil dan *startup* yang masih belum mempunyai nombor pendaftaran perniagaan (BRN) serta telah menyenaraikan perniagaan mereka di cari@unifi.<br><br>▪ Mereka layak melanggan pelan eBiz dengan yuran langganan hanya RM79 sebulan tanpa kontrak.<br><br>▪ Jika anda merupakan pelanggan jalur lebar unifi sedia ada, anda boleh menikmati pelan tersebut pada harga RM59 sebulan. |
| 2 | **Apakah nilai tambah yang ada dalam pelan eBiz?** | ▪ Apabila anda melanggan pelan eBiz, anda akan dapat menikmati:<br><br>1. Diskaun sebanyak RM120 untuk langganan Penyelesaian Pemasaran Digital (Digital Marketing Solutions – DMS) daripada Yellow Pages<br>2. Peluang untuk dipromosikan dalam komunikasi kami kepada para pelanggan unifi di seluruh negara (cth.: e-newsletter bulanan, aplikasi mudah alih, portal)<br><br>▪ Promosi pelan eBiz ini adalah sah sehingga 31 Disember 2020. |
| 3 | **Saya adalah pelanggan unifi Mobile dan ingin mengekalkan nombor sedia ada saya. Bolehkah saya melanggan pelan eBiz dan mengekalkan nombor mudah alih unifi Mobile sedia ada?** | ▪ Ciri tersebut masih belum ditawarkan kepada para pelanggan sedia ada kami buat masa ini. Kami akan mempertimbangkan ciri ini dalam naik taraf perkhidmatan yang akan datang. Nantikan! |
| 4 | **Adakah saya boleh mengekalkan nombor talian pembekal perkhidmatan sedia ada saya dan beralih ke pelan eBiz unifi Mobile melalui proses MNP?** | ▪ Ya. Anda boleh berbuat demikian melalui MNP. |
| 5 | **Saya bukan pelanggan jalur lebar unifi Home sedia ada,** | ▪ Ya, sudah tentu! Ketahui lebih lanjut bagaimana anda boleh menyesuaikan |

| | | |
|---|---|---|
| | **tetapi bolehkah saya melanggan unifi Home bersama unifi Mobile untuk menikmati pelan unifi Mobile dengan harga RM59?** | langganan pakej anda di https://unifi.com.my/unifiyourworld. |
| 6 | **Adakah terdapat sebarang kontrak untuk pelan eBiz?** | ▪ Langganan pelan eBiz ini tidak terikat dengan sebarang kontrak. |
| 7 | **Adakah saya masih dapat menikmati perkhidmatan tambah nilai jika saya menamatkan talian unifi Mobile saya?** | ▪ Maaf, perkhidmatan tambah nilai anda akan ditamatkan sekiranya anda menamatkan langganan unifi Mobile eBiz kami. |
| 8 | **Saya seorang pemilik perniagaan dan mendaftarkan perniagaan saya di cari@unifi menggunakan Kad Pengenalan saya. Adakah saya layak untuk melanggan pelan eBiz? Bolehkah saya menikmati harga pelan yang sama jika saya tidak mengemas kini nombor pendaftaran perniagaan saya di cari@unifi selepas 6 bulan?** | ▪ Ya. Anda masih boleh menikmati pelan eBiz kerana pendaftaran pelan eBiz hanya memerlukan pengesahan Kad Pengenalan. |
| **Perkhidmatan nilai tambah** | | |
| 9 | **Bagaimanakah cara untuk saya menebus diskaun bagi Penyelesaian Pemasaran Digital (DMS) oleh Yellow Pages?** | ▪ Anda akan menerima e-mel dengan kod diskaun selepas pelan eBiz unifi Mobile anda diaktifkan. Sila gunakan kod yang diberikan itu untuk menebus diskaun semasa membeli Penyelesaian Pemasaran Digital (DMS). |
| 10 | **Berapa kerap saya boleh nikmati diskaun untuk DMS?** | ▪ Diskaun untuk DMS itu hanya sah digunakan sekali sahaja. |
| 11 | **Apakah pakej atau produk yang ditawarkan di bawah perkhidmatan DMS berkenaan?** | ▪ Untuk maklumat lanjut mengenai pakej penawaran, layari *https://www.yellowpages.my/dms/.* |
| 12 | **Siapa yang patut saya hubungi jika saya mempunyai masalah untuk menebus diskaun bagi DMS tersebut?** | ▪ Anda boleh e-melkan sebarang pertanyaan berkenaan DMS daripada Yellow Pages ke *wecare.enquiry@tm.com.my.* |
| 13 | **Apa yang berlaku kepada akaun eBiz unifi Mobile saya apabila saya menyahsenaraikan perniagaan saya daripada cari@unifi?** | ▪ Jangan risau, anda akan terus menikmati pelan eBiz pada harga yang sama. |